



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Sakinah Muslim, Nor Azizah Zainal Abidin, Marfunizah Ma'dan & Anita Trisiana. (2023). Pengetahuan generasi muda terdapat gagasan Rukun Negara. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 1, 71–81. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2023.1.5>

PENGETAHUAN GENERASI MUDA TERHADAP GAGASAN RUKUN NEGARA

(Young Generation Knowledge towards the Philosophy of Rukun Negara)

¹Sakinah Muslim, ²Nor Azizah Zainal Abidin,

³Marfunizah Ma'dan & ⁴Anita Trisiana

^{1,2&3}Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

⁴Universitas Slamet Riyadi Surakarta, Indonesia

¹Corresponding author: sakinah@uum.edu.my

Received: 16/2/2023

Revised: 3/5/2023

Accepted: 15/6/2023

Published: 31/7/2023

ABSTRAK

Rukun Negara adalah deklarasi falsafah kebangsaan yang telah diwujudkan sejak berpuluhan tahun yang lalu. Ia mempunyai matlamat untuk memastikan masyarakat berbilang kaum di negara ini dapat hidup harmoni dan bersatu padu. Kajian dan tulisan mengenai Rukun Negara agak terhad terutamanya berkaitan kesedaran dan penghayatan generasi muda. Walaupun terdapat usaha untuk mengukuhkan kesedaran masyarakat dari masa ke semasa, kita masih belum jelas dengan keberkesanannya. Tujuan kajian ini adalah untuk menjawab persoalan mengenai tahap pengetahuan generasi muda terhadap gagasan ini. Kajian tinjauan telah dijalankan dalam kalangan mahasiswa yang berusia dalam lingkungan umur 20 hingga 25 tahun. Rasional pemilihan mereka adalah kerana mereka yang akan mencorakkan dan seterusnya menerajui negara di masa depan. Jika sekiranya mereka mempunyai kesedaran yang tinggi, maka ia merupakan satu petanda yang sangat baik kepada negara. Ini akan menjadi asas dalam usaha untuk memantapkan penggunaan Rukun Negara sebagai wadah perpaduan dan kemajuan negara. Dapatkan daripada tinjauan terhadap 240 responden menunjukkan generasi muda mempunyai pemahaman yang agak baik berkaitan Rukun Negara. Secara keseluruhannya, mereka mampu untuk menjawab persoalan asas berkaitan Rukun Negara dengan sebaiknya. Ini menunjukkan teras kepada pembentukan jiwa generasi muda untuk pengukuhan perpaduan sudah wujud, maka usaha seterusnya perlu dilaksanakan

dengan baik. Kajian ini sangat signifikan dalam memberikan pemahaman mengenai status pengetahuan generasi yang bakal menjadi pemimpin negara pada masa depan terhadap falsafah kebangsaan.

Kata kunci: Rukun Negara, perpaduan, pembentukan generasi muda.

ABSTRACT

Rukun Negara is a declaration of national philosophy that has been created for decades. It has the goal of ensuring that the multi-racial community in this country can live in harmony and unity. Studies and reviews on Rukun Negara are quite limited, especially in relation to the awareness and appreciation of the younger generation. Although there are efforts to strengthen community awareness from time to time, we are still not clear about the effectiveness of those efforts. The purpose of this study is to answer questions about the level of knowledge of the young generation about this idea. A survey was conducted among students aged between 20 and 25 years old. The rationale for their selection is that they are the ones who will shape and lead the country in the future. If they have high awareness, then it is a very good sign for the country. This will be the basis for efforts to strengthen the use of Rukun Negara as a vehicle for national unity and progress. Findings from a survey of 240 respondents show that the younger generation has a relatively good understanding of Rukun Negara. Overall, they are able to answer basic questions related to Rukun Negara well. This shows that the foundation for the formation of the soul of the young generation for the strengthening of unity already exists, so the next effort needs to be implemented well. This study is very significant in providing information on the level of knowledge of national philosophy among the young generation that will become future leaders.

Keywords: *Rukun Negara, unity, development of the young generation.*

PENGENALAN

Krisis pandemik yang melanda seluruh dunia telah menyebabkan berlaku pelbagai perubahan dalam kehidupan masyarakat dunia. Dalam hal ini, masyarakat perlu menjadi lebih berjati diri demi menghadapi sebarang cabaran pada masa kini dan akan datang. Pembentukan jiwa generasi muda ke arah pengukuhan perpaduan sangat penting bagi menjadikan masyarakat Malaysia sebagai satu masyarakat yang kuat dan bersatu padu.

Dalam hal ini, Strategi Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021- 2030 menetapkan aspirasi pertama adalah membina rakyat yang patriotik dan demokratik. Menerusi usaha ini, strategi pertama yang digariskan adalah meningkatkan literasi, pemahaman dan penghayatan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Ini secara jelas menunjukkan betapa pentingnya Rukun Negara dalam usaha perpaduan dan kemajuan negara. Oleh itu, usaha yang berterusan adalah diperlukan untuk memastikan penghayatan Rukun Negara dalam kalangan masyarakat secara keseluruhan.

Pada asasnya, Rukun Negara menjadi ideologi untuk menyeragamkan kefahaman dalam kalangan pelbagai kelompok etnik dengan tujuan utamanya untuk membentuk perpaduan yang mantap. Justeru, rakyat Malaysia perlu terus berusaha untuk mengekalkan keharmonian dan

perpaduan demi kejayaan dan kestabilan negara. Dalam hal ini, penghayatan Rukun Negara dalam kalangan semua peringkat masyarakat sangat penting. Namun begitu, perkara paling asas untuk menghayati adalah mempunyai pengetahuan asas yang baik.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan generasi muda terhadap gagasan Rukun Negara. Untuk tujuan ini, beberapa soalan asas telah dikemukakan bagi menilai pengetahuan mereka. Jika mereka dapat menjawab dengan baik, ini bermakna mereka mempunyai asas pengetahuan tentang ideologi negara yang sangat penting ini. Ia adalah tahap paling asas untuk memastikan pembentukan jiwa generasi muda ke arah pengukuhan perpaduan melalui Rukun Negara.

KAEDAH KAJIAN

Reka bentuk kajian ini adalah kaedah tinjauan. Borang soal selidik diedarkan secara dalam talian kepada mahasiswa-mahasiswa dalam zon utara (Perlis dan Kedah) dengan memberi fokus kepada golongan mahasiswa institut pengajian tinggi awam (IPTA). Pensampelan rawak mudah telah digunakan dalam menentukan sampel kajian. Seramai 240 orang belia atau generasi muda terlibat dalam kajian ini dan mereka berada dalam lingkungan umur di antara 20 hingga 25 tahun. Instrumen kajian dibentuk berdasarkan pendekatan kuantitatif dan analisis pengumpulan data menggunakan kaedah statistik deskriptif. Sebanyak 13 soalan dikemukakan yang mana empat soalan adalah demografi manakala sembilan soalan berkaitan pengetahuan mengenai Rukun Negara.

SOROTAN KARYA

Rukun Negara ialah sebuah ideologi kebangsaan Malaysia yang semestinya perlu menjadi pegangan seluruh rakyat negara ini. Ia digagaskan antaranya apabila kerajaan mula sedar bahawa perpaduan rakyat merupakan asas kepada cita-cita ke arah pembentukan bangsa dan negara. Ia merupakan sebagai satu susunan cara atau prinsip hidup bermasyarakat yang mengandungi nilai-nilai kenegaraan dan nilai-nilai sosial yang meliputi semua aspek kehidupan bernegara. Dalam erti kata lain, Rukun Negara ialah satu doktrin untuk mencapai perpaduan kaum demi keharmonian dan kemakmuran negara Malaysia. Jika ditelusuri, Rukun Negara telah diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 sempena ulang tahun kemerdekaan negara. Ini bermakna ia sudah mencapai satu tempoh yang sangat matang iaitu 53 tahun.

Pada asasnya, Rukun negara terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama menggariskan objektif masyarakat Malaysia yang muh dibentuk. Antaranya adalah untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat, memelihara satu cara hidup demokratik, mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama di samping membina sebuah masyarakat progresif yang akan menggunakan sains serta teknologi moden. Manakala bahagian kedua pula menggariskan lima prinsip rukun negara iaitu kepercayaan kepada tuhan, kesetiaan kepada raja dan negara, keluhuran perlombagaan, kedaulatan undang-undang serta kesopanan dan kesusilaan.

Kepentingan Rukun Negara kepada kesepaduan rakyat dalam negara ini banyak dibincangkan sebelum ini. Persepsi bahawa Rukun Negara sebagai alat kesepaduan juga amat jelas. Tetapi benarkah wujud penghayatan dalam kalangan generasi muda? Amat malang jika apa yang menjadi kerisauan Tun Abdul Razak menjadi kenyataan sebenar pada masa ini. Menurut Tun Abdul Razak dalam Abdul Rahman Aziz (2010, ms 448);

“Rahsia kesempurnaan Rukun Negara, ialah pada amalannya. Tanpa amalan Rukun Negara akan menjadi secebis dokumen yang tidak mempunyai makna”.

“.... adalah mustahak Rukun Negara bukan sahaja difahami oleh setiap rakyat, tetapi juga diamalkan dengan sepenuhnya dan segala hikmat-hikmat yang terkandung di sebalik tiap-taip perkataan dan kalimat Rukun Negara itu benar-benar menjadi darah daging.”

Menurut Abdul Rahman Abdul Aziz dan Muhamed Nor Azman Nordin (2008), prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara jelas merupakan kunci kepada keharmonian dan perpaduan kaum Malaysia. Rukun Negara merupakan pegangan dan panduan untuk menyatukan rakyat dengan menyuarakan tanggapan, kepercayaan, dan keazaman mengenai bangsa Malaysia (Yahaya, 1978). Yok Fee dan Sarjit (2008) pula telah mencadangkan agar Rukun Negara dijadikan teras pembinaan modal insan oleh semua pihak. Apa yang pasti, Rukun Negara adalah suatu ideologi untuk menyeragamkan fahaman dalam kalangan masyarakat negara ini yang berbilang kaum. Malah, Rukun Negara juga adalah hasrat yang perlu diterapkan untuk membentuk sebuah bangsa Malaysia yang benar-benar patriotik dan memelihara kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan (Abdul Rahman, 2010). Jelaslah bahawa kepentingan pemahaman Rukun Negara dapat mewujudkan sebuah negara yang rakyatnya bersatu padu dan dapat mewujudkan sikap liberal terhadap kebudayaan yang berbeza. Rukun Negara merupakan ideologi yang dikongsi semua rakyat Malaysia dan mampu mewujudkan dan membina masyarakat yang demokratik, progresif dengan sains dan teknologi.

Namun, masyarakat kini berhadapan dengan isu tindakan biadap, gerakan golongan ekstrimisme, serta pelbagai salah laku yang lain. Ini menunjukkan nilai-nilai murni yang ditekankan dalam Rukun Negara kurang diberi perhatian. Justeru, walaupun kita mengejar arus kemajuan, Rukun Negara perlu sentiasa dihayati oleh rakyat kerana pembentukannya adalah dengan mengikut acuan masyarakat Malaysia. Hal ini juga mungkin disebabkan oleh zaman globalisasi yang berlaku sehingga turut menyebabkan ketidakmampuan untuk menyaring maklumat dan memberi implikasi dari sudut kurangnya nilai patriotisme serta nasionalisme dalam kalangan masyarakat hari ini. Justeru, perkara ini menunjukkan nilai-nilai murni yang ditekankan dalam Rukun Negara kurang diberi perhatian. Justeru, walaupun kita mengejar arus kemajuan, Rukun Negara perlu sentiasa dihayati oleh rakyat kerana pembentukannya adalah dengan mengikut acuan masyarakat Malaysia.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Demografi Responden

Jadual 1 menunjukkan gambaran tentang responden bagi kajian ini di mana ia merupakan data demografi 240 orang responden yang memberi maklum balas lengkap terhadap kajian ini. Antara elemen yang dikenalpasti adalah kumpulan etnik, agama, umur, dan negeri asal responden.

Jadual 1

Demografi Responden

| | Demografi | Bilangan | Peratusan |
|---|-----------------|----------|-----------|
| Etnik | Melayu | 185 | 77.1 |
| | Cina | 32 | 13.3 |
| | India | 10 | 4.2 |
| | Lain-lain | 13 | 5.4 |
| Agama | Islam | 193 | 80.42 |
| | Budha | 30 | 12.5 |
| | Kristian | 3 | 1.25 |
| | Lain-lain | 14 | 5.83 |
| Umur | 20 tahun | 31 | 12.91 |
| | 21 tahun | 109 | 45.41 |
| | 22 tahun | 50 | 20.83 |
| | 23 tahun | 32 | 13.33 |
| | 24 tahun | 10 | 4.17 |
| | 25 tahun | 8 | 3.33 |
| Negeri kelahiran | Kedah | 66 | 27.5 |
| | Perak | 30 | 12.5 |
| | Selangor | 19 | 7.91 |
| | Johor | 12 | 5 |
| | Kelantan | 18 | 7.5 |
| | Pahang | 17 | 7.08 |
| | Negeri Sembilan | 20 | 8.33 |
| | Perlis | 15 | 6.25 |
| | Pulau Pinang | 14 | 5.83 |
| | Terengganu | 11 | 4.58 |
| Sabah & Sarawak | | 13 | 5.416 |
| Melaka | | 6 | 2.5 |
| Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Wilayah Persekutuan Putra Jaya | | 19 | 7.916 |

Berdasarkan Jadual 1, kumpulan etnik responden yang paling ramai adalah etnik Melayu (77.1%) iaitu seramai 185 orang, diikuti dengan etnik Cina seramai 32 orang atau (13.3%) responden dan etnik India pula seramai 10 orang atau (4.2%). Selebihnya adalah daripada kalangan etnik-etnik lain iaitu seramai 13 orang atau sebanyak (5.4%) responden. Jika dilihat dari latar belakang agama, kebanyakan responden beragama Islam (80.42%), diikuti dengan Budha (12.5%) manakala Kristian hanya tiga orang atau 1.25 peratus. Selebihnya adalah daripada kalangan agama-agama lain. Bagi julat umur dalam kalangan responden pula adalah di antara 20 hingga 25 tahun dengan majoriti umur adalah 21 tahun yang mewakili 45.41 peratus responden. Manakala daripada negeri asal, peratus tertinggi adalah dari Kedah (27.5%), diikuti Perak (12.5%) dan peratus paling rendah adalah dari Melaka (2.5%).

Taburan demografi ini secara jelas menunjukkan kepelbagaian dalam latar belakang responden. Kepelbagaian ini dapat dilihat dari segi etnik, agama, umur dan negeri asal. Latar belakang yang pelbagai ini secara tidak langsung akan memberikan refleksi sebenar tahap pengetahuan generasi muda di Malaysia tentang Rukun Negara. Ini akan membolehkan pengkaji membuat generalisasi tentang isu kajian.

DAPATAN KAJIAN

Bagi memenuhi objektif kajian, tahap pengetahuan generasi muda terhadap Rukun Negara telah diukur berdasarkan soalan-soalan asas yang berkaitan. Penemuan lima perkara paling asas adalah ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2

Pengetahuan Asas Rukun Negara

| Maklumat asas Rukun Negara | Peratusan jawapan betul |
|----------------------------------|-------------------------|
| Maksud Rukun Negara | 85.8 |
| Prinsip Rukun Negara | 92.1 |
| Objektif Rukun Negara | 97 |
| Prinsip Rukun Negara yang kelima | 95 |

Berdasarkan Jadual 2, dapat dilihat tahap pengetahuan majoriti responden berada pada tahap yang tinggi. Dapatkan menunjukkan 85.8 peratus menjawab dengan tepat bahawa Rukun Negara merujuk kepada Ideologi kebangsaan Malaysia. Manakala bagi prinsip Rukun Negara, majoriti (92.1%) mengetahui bahawa terdapat lima prinsip Rukun Negara. Hampir semua responden (99.2%) menjawab dengan tepat berkenaan jumlah Rukun Negara iaitu lima rukun. Manakala bagi soalan mengenai objektif, 97 peratus menjawab dengan tepat mengenai objektif utama Rukun Negara iaitu untuk membentuk perpaduan yang kukuh dalam kalangan masyarakat negara ini. Begitu juga dengan soalan mengenai prinsip terakhir iaitu kesopanan dan kesusilaan. 95.8 peratus telah berjaya menjawab dengan tepat soalan tersebut.

Jadual 3

Pengetahuan Berkaitan Prinsip Rukun Negara

| Elemen Rukun Negara | Peratusan Jawapan Betul |
|----------------------------------|-------------------------|
| Kepercayaan kepada Tuhan | 99.2 |
| Kesetiaan kepada Raja dan Negara | 95.8 |
| Keluhuran Perlembagaan | 61.3 |
| Kedaulatan Undang-undang | 88.3 |
| Kesopanan dan Kesusilaan | 94.2 |

Dapatan berkaitan pengetahuan tentang prinsip Rukun Negara juga sangat positif. Kebanyakan responden mampu menjawab dengan baik bagi kebanyakan soalan. Sebanyak 99.2 peratus telah menjawab dengan tepat soalan berkaitan kepercayaan kepada tuhan. Manakala majoriti (95.8%) responden telah dapat menjawab soalan mengenai prinsip kesetiaan kepada raja dan negara. Bagi prinsip keluhuran Perlembagaan pula, peratusan jawapan yang betul agak sederhana iaitu sebanyak 61.3 peratus sahaja. Bagi kedaulatan undang-undang, 88.3 responden dapat menjawab dengan tepat soalan bagi prinsip ini. Seterusnya, sebanyak 94.2 peratus mengetahui bahawa saling bantu membantu merujuk kepada prinsip kesopanan dan kesusilaan.

Secara keseluruhannya, dapat dilihat bahawa peratusan jawapan yang tepat adalah tinggi. Walaupun soalan-soalan yang ditanya merupakan soalan yang agak asas dan mudah, ia memberi gambaran awal bahawa tahap pengetahuan generasi muda dari pelbagai latar belakang adalah sangat baik. Ini dapat membuka jalan kepada tahap seterusnya iaitu kesedaran, penghayatan dan amalan.

PERBINCANGAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat yang majmuk. Landskap sosial negara ini yang unik menjadikan usaha perpaduan perlu dijalankan agar masyarakat yang menghuni negara ini mempunyai jiwa yang besar dan bersatu hati. Rukun Negara diperkenalkan apabila asas perpaduan kaum yang dilihat rapuh. Penemuan kajian Mohd Rahimi dan rakan-rakan (2020) yang mendapati bahawa responden kajian berpendapat bahawa pengetahuan Rukun Negara sememangnya amat penting untuk kepimpinan yang lebih baik pada masa hadapan. Kajian tersebut menegaskan bahawa pemahaman terhadap prinsip Rukun Negara perlu kukuh dalam diri bagi memastikan Rukun Negara yang dibina dapat didukung oleh semua pihak dan seterusnya meningkatkan tahap patriotisme dalam kalangan rakyat itu sendiri. Ini menunjukkan peri pentingnya pengetahuan tentang Rukun Negara sebagai asas untuk usaha seterusnya.

Sebelum perbincangan mengenai kesedaran dan penghayatan Rukun Negara dibuat, kajian terhadap pengetahuan asas sangat penting. Setiap warganegara negara ini perlu mempunyai

pengetahuan yang baik tentang ideologi kebangsaan negara. Daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan terhadap prinsip Rukun Negara generasi muda adalah agak baik. Peratusan yang menjawab dengan tepat secara puratanya adalah 87.76. Ini menjadi petanda awal bahawa usaha tahap seterusnya iaitu kesedaran dan penghayatan dapat dilaksanakan dengan baik jika menggunakan pendekatan yang bersesuaian digunakan. Dapatkan ini seiring dengan hasil kajian Rohaizahtulamni Radzlan et al., (2013) yang merekodkan majoriti responden mempunyai tahap pemahaman mengenai Rukun Negara yang tinggi iaitu seramai 515 daripada 598 orang. Sehubungan itu, ini secara tidak langsung membuktikan dapatan kajian terdahulu iaitu kajian yang telah dijalankan oleh sarjana negara iaitu Professor Ramlah Adam (2005) yang mendapati hanya 70% pelajar institusi pengajian tinggi di negara ini boleh menghafal Rukun Negara dengan baik sudah agak berubah. Ini secara umumnya menunjukkan usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan dan pelbagai pihak yang berkaitan telah membawa hasil yang baik.

Namun begitu, apa yang perlu diberi perhatian pada masa ini adalah tentang tahap penghayatan yang lebih tinggi berbanding sekadar mengetahui dan memahami. Kajian yang dijalankan oleh Unit Perundingan Universiti Malaya pada 2006 ke atas 1131 orang responden yang terdiri daripada pelajar IPT dan IPTS di Lembah Klang mendapat tahap kemampuan pemahaman responden terhadap semua prinsip Rukun Negara adalah tinggi namun kemampuan menghayati dan keinginan mengamalkannya adalah rendah. Kebimbangan ini seiring dengan dapatan kajian oleh Ayu Nor Azilah dan Rohaini (2011) yang menyatakan bahawa belia masih kurang penghayatan terhadap Rukun Negara. Kebimbangan ini sangat berasas berikutan kajian Lee dan Sarjit (2008) juga mendapat pembentukan Rukun Negara tidak begitu dihayati kerana senario kini menunjukkan bahawa pengamalan Rukun Negara hanyalah sekadar hafalan di perhimpunan-perhimpunan. Dapatkan ini juga seiring dengan laporan dalam Kajian Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia terhadap 1,000 responden berkaitan pemahaman konsep Rukun Negara yang mendapati 88 peratus memahaminya, tetapi tidak diiringi penghayatan dan amalan (Noraini Tahir, 2020).

Justeru, pendedahan dan pembelajaran merupakan aspek penting dalam mengukuhkan pemahaman generasi muda terhadap Rukun Negara. Belia yang mempunyai kefahaman yang jelas akan mempunyai respons yang positif mengenainya (Adlina, 2009). Rentetan dari itu, usaha untuk meningkatkan lagi kesedaran dan penghayatan dalam kalangan belia sangat penting agar mampu memberi impak yang positif terhadap negara.

RUMUSAN

Kajian ini menunjukkan tahap pengetahuan generasi muda terhadap Rukun Negara adalah agak baik. Namun begitu, kajian lalu menunjukkan tahap yang lebih tinggi iaitu amalan dan penghayatan terhadap Rukun Negara masih agak lemah. Justeru, jurang antara pengetahuan dan penghayatan ini perlu diberi perhatian khusus agar segala pengetahuan yang dimiliki oleh generasi muda tidak menjadi sia-sia. Dalam hal ini, usaha penerapan dan penghayatan Rukun Negara perlu dijalankan dengan sebaiknya.

Kajian lalu juga menunjukkan antara faktor yang dapat membantu kesedaran terhadap Rukun Negara adalah pengetahuan terhadap sejarah negara (Mohamad Rodzi, 2009) dan bahan bacaan Bahasa Malaysia (Maisarah & Latifah 2012). Ini mungkin mampu menjadi petunjuk

tentang bentuk usaha yang perlu dijalankan oleh pihak yang berkenaan. Usaha-usaha yang lebih aktif perlu dijalankan untuk meningkatkan pengetahuan sejarah negara dalam kalangan generasi muda. Begitu juga pengukuhan dalam penggunaan Bahasa Malaysia. Keadaan semasa yang sangat mementingkan Bahasa Inggeris memberi cabaran agar pihak yang berkenaan meningkatkan lagi usaha untuk menghasilkan bahan bacaan dalam Bahasa Malaysia yang menarik dan berkualiti. Dalam hal ini, Zamri Mahamod et al., (2020) berpandangan bahawa penggunaan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa kebangsaan dan Bahasa rasmi negara bukan bererti mengetepikan Bahasa bagi masyarakat majmuk yang lain. Namun begitu, usaha ini adalah untuk meningkatkan kesaksamaan dalam penggunaan satu Bahasa bagi memantapkan semangat jati diri berbilang kaum.

Selain itu, peranan generasi muda itu sendiri juga sangat penting dalam menjayakan usaha ini. Hal ini bertepatan dengan rumusan yang dibuat oleh Unit Rundingan Universiti Malaya (2006) bahawa usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pelbagai pihak perlu disertai dengan inisiatif pelajar sendiri dalam menjadi seorang warganegara Malaysia yang mempunyai jati diri. Maju dan mundur sesebuah masyarakat bergantung pada peribadi dan tingkah laku individu dalam masyarakat (Faridah & Fakhruладabi, 2012) terutama generasi muda bagi merealisasikan wawasan negara. Ini menunjukkan penglibatan dan kesungguhan generasi muda turut menjadi elemen penting dalam usaha untuk merealisasikan perpaduan negara melalui Rukun Negara.

Antara langkah yang efektif untuk memupuk kesedaran dalam kalangan generasi muda terhadap pemahaman dan penghayatan Rukun Negara juga adalah melalui institusi sosial seperti pendidikan. Ini adalah penting bagi melahirkan generasi muda yang matang. Selain itu, institusi politik yang mempunyai kuasa dan legitimasi dalam masyarakat sangat penting dalam meningkatkan penghayatan belia terhadap Rukun Negara dengan meningkatkan lagi aktiviti yang berkaitan dengan kemasyarakatan (Rohaizahtulamni Radzlan et al., 2013). Hal ini turut bertepatan dengan dapatan kajian oleh Hadijah Johari dan Anas Suzastri Ahmad (2019) yang mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kepentingan pemahaman Rukun Negara dengan pengajaran Kursus Pengajian Malaysia. Selain itu, kajian ini turut mendapati bahawa pihak kerajaan merupakan komponen utama yang bertanggungjawab memperkasakan semula Rukun Negara yang menjadi pengikat perpaduan kaum. Berikutan itu, institusi pendidikan dari pelbagai peringkat perlu merangka dan menambahbaik modul, model, kurikulum dan segala usaha yang berkaitan bagi memupuk kesedaran ini. Pelan tindakan yang terancang perlu dibuat agar usaha menjadi lebih sistematik.

Segala usaha yang dijalankan bagi membentuk jiwa generasi muda perlulah dijalankan secara berkesan dan diperkuuhkan berdasarkan keadaan semasa. Sehubungan itu, kita perlu menyedari tentang kenyataan bahawa generasi muda dan media sosial sangat akrab. Pihak yang berkaitan boleh menggunakan media sosial sebagai medium sebaran segala maklumat penting berkaitan Rukun Negara. Begitu juga dengan adanya kemudahan seperti media elektronik dan media cetak mempermudahkan lagi masyarakat untuk menyampaikan dan menerima pelbagai maklumat yang tepat. Justeru itu, pihak yang berkaitan perlu menggunakan media dengan sebaiknya.

KESIMPULAN

Kajian ini penting untuk meneliti status pengetahuan generasi muda terhadap Rukun Negara bagi mengekalkan perpaduan dan membentuk integrasi nasional. Jika elemen-elemen yang terdapat dalam Rukun Negara dapat dihayati dengan baik oleh golongan muda kini maka masalah kecelaruan identiti nasional dan salah laku dapat diatasi. Dengan ini pembentukan jiwa generasi muda ke arah pengukuhan perpaduan dapat direalisasikan melalui Rukun Negara. Pelbagai maksud tersurat dan tersirat dapat dicungkil jika perhatian yang lebih mendalam diberikan terhadap ideologi negara ini. Oleh itu, generasi muda yang ada perlu terus dididik agar memahami semangat dan roh yang dibawa oleh Rukun Negara.

Perlu disedari bahawa perpaduan tidak boleh diterap dalam sekilip mata sebaliknya ia memerlukan satu proses pendidikan yang teratur. Pendedahan yang meluas dan berterusan perlu dibuat oleh pihak yang berkenaan. Prinsip Rukun Negara yang berteraskan nilai keamanan, perpaduan dan keharmonian juga perlu dipupuk dalam hati dan minda terutama dalam kalangan generasi muda supaya Malaysia terus maju dari segi sosial serta ekonomi. Pelbagai defisit sosial yang wujud perlu ditangani dengan sebaiknya dan antara mekanisme untuk memenuhi tujuan ini adalah melalui penghayatan terhadap Rukun Negara.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini mendapat pembiayaan daripada *matching grant* (Kod SO 14898, 2022).

RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdul Aziz & Muhammed Nor Azman Nordin (2008, 12-13 November). Nilai-Budaya Ikatan-Sosial Masyarakat Malaysia Anjuran Lima Perdana Menteri Malaysia. Kertas kerja dibentangkan dalam *Seminar Serantau Nilai dan Profesionalisme*.
- Abdul Rahman Abdul Aziz (2010, 13-15 Julai). Rukun Negara dalam memperkuuhkan ketahanan negara. Kertas kerja dibentangkan dalam *Seminar on Nasional Resilience (SNAR 2010)*.
- Hadijah Johari & Anas Suzastri Ahmad. (2019, 24-25 April). Persepsi terhadap Konsep Rukun Negara melalui Pengajaran Kursus Pengajian Malaysia. Kertas kerja dibentangkan dalam *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*.
- Khairul Azhar Meerangani, Abdul Qayuum Abdul Razak & Muaz Mohd Noor (2021). Peranan Prinsip Rukun Negara dalam Pembentukan Bangsa Malaysia, dlm Makmor Tumin Sharifah Hayaati Syed Ismail Mazlan Che Soh (eds), *Islam dan Dinamika Masyarakat Sivil di Malaysia*, (pp 47-74). Penerbit Universiti Malaya.
- Lee Yok Fee & Sarjit S. Gill. (2008). Rukun Negara teras pembinaan modal insan: Satu komentar. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 16(1), 107-113.
- Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara. (2021). Rangka Tindakan (blueprint) Perpaduan Negara.<https://www.perpaduan.gov.my/admin/files/perpaduan/dpn/FINAL%20BLUE%20PRINT%202013%20FEB%20PDF.pdf>
- Maisarah, Saidin & Latifah Abd. Majid (2012). Pembentukan jati diri kanak-kanak melalui bahan bancaan Bahasa Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 4(1), 77-102.

- Mohamad Rodzi Abd. Razak (2009). Pembinaan Negara Bangsa Malaysia: Peranan Pendidikan Sejarah dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. *Jebat* 36, 90-106.
- Mohd. Azri Ibrahim et al. (2021). Pengetahuan terhadap ilmu perlumbagaan, undang-undang dan Rukun Negara dalam konteks kepimpinan: Kajian kes pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS). *Journal of Social and Economic Development*, 6(38), 45-59
- Mohd Rahimi Ramli, Mohd Syariefudin Abdulla, Abdul Hadi Samsi, Muhammad Shamshinor Abdul Azzis. (2020). Pengetahuan dan pengamalan nilai patriotisme dalam kalangan masyarakat peribumi di Sabah, *Jurnal Kinabalu*, 81. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/ejk/article/view/2764>
- Noraini Tahir (2020, 29 Ogos). Rukun Negara wadah bentuk masyarakat berpandangan jauh, Berita Harian, 10.
- Ramlah Adam. (2005). *Kajian Tahap Pemahaman, Penghayatan dan Pengamalan Rukun Negara di Kalangan pelajar IPT*. Geran Penyelidikan Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional.
- Rohaizahtulamni Radzlan, Sarjit S. Gill & Ahmad Tarmizi Talib. (2013). Pemahaman dan penghayatan Rukun Negara dalam kalangan belia bandar di Semenanjung Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Sarjit Singh Darshan Singh. (2013). Kajian pemahaman, penghayatan dan pengamalan Rukun Negara dalam kalangan belia Malaysia. *Jurnal Perpaduan Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional*, 1, 89-137.
- Teo Kok Seong (2016, Februari 11). Rukun Negara sebagai asas bina jati diri bangsa. Berita Harian.<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2016/02/123202/rukun-negara-sebagai-asas-bina-jati-diri-bangsa>
- Unit Perundingan Universiti Malaya (2006). *Kajian tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan Rukun Negara di kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi*.
- Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Shamsudin Othman, Alizah Lambri & Hadi Hassan. (2020). Tahap Pemahaman, Penghayatan dan Pengamalan Jati diri Bahasa Melayu dalam Kalangan Rakyat Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 27-36.